KEMPEN JIMAT BAYARAN CUKAI
SEMPENA BULAN ZAKAT DAN WAKAF NEGERI PERAK

1. KELAYAKAN

a) Kempen Jimat Bayaran Cukai Sempena Bulan Zakat dan Wakaf Negeri Perak ("Kempen") dianjurkan oleh **Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR)** dan terbuka kepada pembayar zakat yang membuat bayaran zakat melalui kaunter ZAPAR sepanjang Tempoh Kempen.
b) Penyertaan adalah terbuka kepada pembayar zakat baharu dan pembayar zakat sedia ada yang memenuhi syarat penyertaan Kempen.
c) Setiap transaksi bayaran zakat yang berjaya dan direkodkan dalam sistem ZAPAR sepanjang Tempoh Kempen akan dipertimbangkan untuk tujuan penyertaan.
d) Dengan menyertai Kempen ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini.
e) ZAPAR berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang didapati tidak memenuhi Terma dan Syarat Kempen.

2. TEMPOH KEMPEN

a) Kempen ini bermula pada **15 Oktober 2026** dan berakhir pada **31 Disember 2026**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Kempen").
b) Sebarang transaksi bayaran yang dibuat di luar Tempoh Kempen tidak akan diambil kira bagi tujuan penyertaan.
c) ZAPAR berhak menentukan masa tutup penyertaan pada tarikh akhir Kempen berdasarkan rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem pembayaran ZAPAR.

3. MEKANISME KEMPEN

a) Kempen ini hanya sah untuk bayaran zakat yang dibuat melalui **kaunter ZAPAR** di seluruh negeri Perak sepanjang Tempoh Kempen.
b) Setiap bayaran zakat minimum **RM500** melayakkan peserta menerima **satu (1) tiket penyertaan**.
c) Setiap tambahan **RM500** bayaran zakat melayakkan peserta menerima **satu (1) tiket penyertaan tambahan**.
d) Tiada had jumlah tiket penyertaan bagi setiap peserta sepanjang Tempoh Kempen.
e) Pecahan bayaran yang kurang daripada RM500 tidak akan dikira sebagai tiket tambahan.

Jadual 1: Mekanisme Kempen

Bayaran Zakat	Tiket Penyertaan
RM500	1 tiket
RM1,000	2 tiket
RM1,500	3 tiket
RM5,000	10 tiket

f) Tiket penyertaan akan dijana berdasarkan jumlah bayaran zakat yang layak dan tertakluk kepada rekod transaksi dalam sistem ZAPAR. Tidak perlu menghantar apa-apa borang penyertaan.
g) Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) cabutan hadiah sahaja.
h) Peserta yang mempunyai lebih daripada satu tiket mempunyai peluang lebih tinggi untuk memenangi hadiah kempen, tertakluk kepada jumlah tiket yang layak.

4. CONTOH SENARIO PENYERTAAN

Jadual 2: Senario Penyertaan

Senario	Kelayakan
Senario 1 Peserta membuat bayaran zakat sebanyak **RM500** melalui kaunter ZAPAR dalam Tempoh Kempen.	Peserta menerima **1 tiket penyertaan** secara automatik.
Senario 2 Peserta membuat bayaran zakat sebanyak **RM1,000** melalui kaunter ZAPAR dalam Tempoh Kempen.	Peserta menerima **2 tiket penyertaan** secara automatik.
Senario 3 Peserta membuat bayaran zakat sebanyak **RM1,500** melalui kaunter ZAPAR dan **RM500** dengan ejen pungutan dalam Tempoh Kempen.	Peserta menerima **3 tiket penyertaan** secara automatik. Bayaran zakat melalui ejen pungutan tidak dikira sebagai penyertaan.
Senario 4 Peserta membuat bayaran zakat sebanyak **RM550** melalui kaunter ZAPAR dalam Tempoh Kempen.	Peserta menerima 1 **tiket penyertaan** secara automatik. Baki RM50 tidak dikira sebagai tiket tambahan.

5. PEMILIHAN PEMENANG

a) Seramai **tiga puluh satu (31) orang pemenang** akan dipilih melalui cabutan bertuah secara rawak selepas tamat Tempoh Kempen.
b) Setiap tiket penyertaan yang layak mempunyai peluang untuk dipilih sebagai pemenang.
c) Setiap peserta hanya layak memenangi **satu (1) hadiah** sepanjang Kempen.
d) Sekiranya tiket yang sama atau peserta yang sama dipilih lebih daripada sekali dalam proses cabutan, ZAPAR berhak membuat cabutan semula bagi menentukan pemenang seterusnya.
e) Keputusan cabutan bertuah adalah **muktamad** dan tertakluk kepada pengesahan ZAPAR.

f) Tarikh, kaedah dan saluran pengumuman pemenang akan ditentukan dan dimaklumkan melalui saluran rasmi ZAPAR.

6. HADIAH KEMPEN

Sebanyak **tiga puluh satu (31) hadiah** dengan jumlah nilai keseluruhan **RM10,000.00** akan diberikan kepada pemenang seperti berikut:

Jadual 3: Senarai Hadiah

Hadiah	Bilangan Pemenang
Motorsikal EV	1
Xiaomi TV A 55'	1
Steam Iron	1
Coffee Maker	1
Airfryer Dual Basket	1
Xiaomi Smart Air Purifier 4 Lite	1
Montigo Tumbler	5
Baucer Petrol	11
Baucar/ TNG ewallet	9
JUMLAH	**31**

a) Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan stok.
b) ZAPAR berhak menggantikan hadiah dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang sama atau setara sekiranya berlaku kekurangan stok atau keadaan lain yang tidak dapat dielakkan.
c) Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau dipindah milik kepada pihak lain.

7. PEMBERIAN HADIAH

a) Pemenang akan dihubungi melalui maklumat hubungan yang direkodkan dalam sistem ZAPAR.
b) Pemenang bertanggungjawab memastikan maklumat yang direkodkan semasa membuat transaksi bayaran kepada ZAPAR adalah tepat dan terkini.
c) ZAPAR berhak meminta maklumat atau dokumen yang diperlukan bagi tujuan pengesahan identiti dan kelayakan pemenang.
d) Sekiranya pemenang gagal dihubungi atau gagal memberikan maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan oleh ZAPAR, ZAPAR berhak membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan membuat cabutan semula.

e) ZAPAR tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan penyampaian hadiah yang berpunca daripada maklumat hubungan yang tidak tepat atau tidak dikemas kini oleh pemenang.

8. TERMA DAN SYARAT UMUM

a) ZAPAR tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan teknikal, gangguan sistem, kelewatan transaksi, kesilapan elektronik atau masalah teknikal yang berlaku dalam proses pembayaran, tertakluk kepada keadaan yang berada di luar kawalan munasabah ZAPAR.
b) ZAPAR berhak membatalkan, menolak atau menggugurkan mana-mana penyertaan sekiranya peserta didapati melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen atau terlibat dalam sebarang percubaan untuk memanipulasi proses Kempen.
c) ZAPAR berhak menarik balik, membatalkan, menangguhkan, melanjutkan atau menamatkan Kempen sekiranya terdapat keadaan yang memerlukan tindakan sedemikian.
d) ZAPAR berhak meminda mana-mana Terma dan Syarat Kempen dari semasa ke semasa dan sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui saluran rasmi ZAPAR.
e) Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju bahawa maklumat yang diberikan semasa transaksi boleh digunakan bagi tujuan pentadbiran Kempen, pengesahan penyertaan, pengurusan pemberian hadiah dan promosi, tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan dasar privasi yang berkuat kuasa.
f) Sebarang keputusan ZAPAR berhubung dengan pentadbiran, kelayakan, pemilihan pemenang dan pemberian hadiah bagi Kempen ini adalah **muktamad**.
g) Sebarang pertanyaan berkaitan Kempen boleh dikemukakan melalui saluran rasmi ZAPAR seperti berikut:

Emel:	**creativelab@zapar.com.my**
No. Tel:	**05-255 8755**
Alamat:	**No. 11, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh Perak**

Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR)
“Sempurna Antara Kita, Perantara kepada yang Memerlukan”